



**CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN
2018**

**PANDUAN :
KAWASAN KHAS**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

03 Oktober 2018

Penerbitan

Tarikh: 03 Oktober 2018.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Kawasan Khas (SA)	1
Interpretasi.....	1
Barang-barang dijual atau dilupuskan selain dari jualan di SA	2
Barang yang diimport dari suatu tempat di luar Malaysia ke SA.....	2
Barang-barang yang diangkut dari Kawasan Kastam Utama (KUK) ke Kawasan Khas (SA)	7
Barang yang diangkut di antara Kawasan Khas	10
Barang-barang yang diangkut dari Kawasan Yang Ditetapkan (DA) ke Kawasan Khas (SA)	17
Barang-barang yang diangkut dari Kawasan Khas (SA) ke Kawasan Kastam Utama (KUK)	21
Barang-barang yang dieksport dari SA ke suatu tempat di luar Malaysia	26
Pengangkutan barang-barang di dalam SA.....	30
Barang-barang yang diangkut dari SA (FIZ atau GPB) ke KUK untuk diperbaiki	34
Barang-barang yang diangkut ke SA dari KUK untuk diperbaiki.....	34
Barang-barang yang diangkut ke SA dari KUK untuk kerja-kerja subkontrak.....	35
Barang-barang yang diangkut dari SA ke KUK bagi kerja-kerja subkontrak.....	36
Barang-barang yang diangkut dari SA ke Depot Pelepasan Dalam Negeri (ICD) di bawah Seksyen 65E Akta Kastam 1967	36
Pengimportan dan pengangkutan barang berkenaan dengan Kawasan Pembangunan Bersama (JDA)	38
Cukai Perkhidmatan Berkenaan Kawasan Khas (SA)	39
Pertanyaan	40
Bantuan Selanjutnya dan Informasi Berkaitan SST	40

PENGENALAN

1. Berkuatkuasa dari 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersama-sama dengan undang-undang subsidiari masing-masing diperkenalkan untuk menggantikan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 2014.
2. Panduan ini disediakan untuk membantu pengilang, pengimport atau pengeksport dalam memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan cukai jualan yang dikenakan ke atas barang yang diangkut, diimport, atau dieksport ke atau dari Kawasan Khas dan juga cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang disediakan di Kawasan Khas.

KAWASAN KHAS (SA)

Interpretasi

3. Kawasan Khas (SA) bermaksud:
 - (i) Mana-mana Zon Bebas (ZB) di bawah subseksyen 2(1) Akta Zon Bebas 1990;
 - (ii) Mana-mana Gudang Berlesen (GB) di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967;
 - (iii) Mana-mana Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967; dan
 - (iv) Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) di bawah seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990.
4. Kawasan yang Ditentukan (DA) bermaksud:
 - (i) Labuan;
 - (ii) Langkawi; dan
 - (iii) Tioman.
5. Zon Bebas (ZB) bermaksud mana-mana bahagian Malaysia yang diisytiharkan di bawah peruntukan subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 untuk menjadi:

- (i) Zon Perdagangan Bebas (FCZ); atau
- (ii) Zon Perindustrian Bebas (FIZ)


Barang-barang dijual atau dilupuskan selain dari jualan di SA

6. Berdasarkan seksyen 56 Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas mana-mana barang bercukai yang dijual atau dilupuskan selain daripada melalui jualan di SA. Oleh itu, mana-mana pengilang di SA tidak boleh didaftarkan sebagai Pengilang Berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

Barang yang diimport dari suatu tempat di luar Malaysia ke SA

7. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas mana-mana barang bercukai yang diimport dari suatu tempat di luar Malaysia (luar negara) ke SA kecuali bagi barang-barang kena cukai yang ditetapkan di dalam Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

Contoh 1: Pembeli di SA membeli barang-barang bercukai dari luar negara dan mengimport barang terus ke SA. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diimport ke SA.




Rajah 1: Barang-barang bercukai diimport terus dari luar negara ke SA.

- (1) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diimport dari luar negara ke SA. Pembeli hendaklah mengikrarkan pengimportan barang di dalam borang pengikraran import seperti berikut:

- (i) *Borang Kastam No.8 (K8) - diimport oleh pembeli di ZB;*
 - (ii) *Borang Zon Bebas No.1 (ZB1 Import) - diimport oleh pembeli di FCZ di pelabuhan atau lapangan terbang;*
 - (iii) *Borang Kastam No.8 (K8) - diimport oleh pembeli di GB; atau*
 - (iv) *Borang Kastam No.1 (K1) - diimport oleh GPB.*
- (2) *Bil muatan / bil laluan udara / bil jalanraya hendaklah menunjukkan butiran berikut:*
- (i) *Konsainor adalah penjual; dan*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli.*
- (3) *Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:*
- (i) *Konsainor adalah penjual;*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) *Nilai barang adalah nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.*


Contoh 2: *Pembeli membeli barang-barang bercukai dari luar negara melalui peniaga di Kawasan Utama Kastam (KUK) dan pembeli mengimport barang terus ke SA. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diimport ke SA.*



Rajah 2: *Barang-barang bercukai dari luar negara diimport terus ke SA.*

- (1) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diimport dari luar negara ke SA. Pembeli hendaklah mengikrarkan pengimportan barang dalam borang pengikraran import seperti berikut:
 - (i) Borang Kastam No.8 (K8) - diimport oleh pembeli di ZB;
 - (ii) Borang Zon Bebas No.1 (ZB1 Import) - yang diimport oleh pembeli di FCZ di pelabuhan atau lapangan terbang;
 - (iii) Borang Kastam No.8 (K8) - diimport oleh pembeli di GB; atau
 - (iv) Borang Kastam No.1 (K1) - diimport oleh GPB.
- (2) Bil muatan / bil laluan udara / bil jalanraya hendaklah menunjukkan butiran berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual; dan
 - (ii) Konsaini adalah pembeli.
- (3) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah pembeli;
 - (iii) Pihak ketiga adalah peniaga; dan
 - (iv) Nilai barang adalah nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.

Contoh 3: Pembeli membeli barang-barang bercukai dari luar negara melalui peniaga di KUK di mana peniaga mengimport barang ke dalam KUK dan kemudian mengangkut barang tersebut ke SA. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diimport ke KUK dan tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diangkut ke SA.



Rajah 3: Barang-barang yang diimport ke KUK dan seterusnya diangkut ke SA.


- (1) Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 mengenai barang-barang kena cukai yang diimport ke KUK oleh peniaga. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengimportan barang dalam Borang Kastam No.1 (K1) dan borang pengikraran import hendaklah menyatakan yang berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah peniaga;
 - (iii) Nilai barang adalah nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967; dan
 - (iv) Bil muatan / bil laluan udara / bil jalanraya hendaklah menunjukkan butiran berikut:
 - (a) Konsainor adalah penjual; dan
 - (b) Konsaini adalah peniaga.
- (2) Berdasarkan seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018, peniaga yang membayar cukai jualan ke atas pengimportan dibenarkan menuntut pulang balik cukai jualan mengikut seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 kecuali cukai jualan yang dibayar adalah ke atas barang-barang kena cukai yang dinyatakan di dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

- (3) *Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang diangkut dari KUK ke SA dan peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang ke SA dalam borang pengikraran eksport atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:*
- (i) *Borang Kastam No.2 (K2) - diangkut kepada pembeli di ZB;*
 - (ii) *Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut kepada pembeli di GB; atau*
 - (iii) *Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut ke GPB.*
- (4) *Borang pengikraran eksport atau DO hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
- (i) *Konsainor adalah peniaga;*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) *Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli.*
- (5) *Peniaga yang menuntut pulang balik cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:*
- (i) *Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (ii) *Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
 - (iii) *Borang pengikraran eksport bagi barang-barang yang diangkut ke ZB atau DO bagi barang-barang yang diangkut ke GB atau GPB;*
 - (iv) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
 - (v) *Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga; dan*
 - (vi) *Borang pengikraran import - Borang Kastam No.1 (K1).*

Barang-barang yang diangkut dari Kawasan Kastam Utama (KUK) ke Kawasan Khas (SA)

8. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang diangkut dari KUK ke SA kecuali bagi barang-barang kena cukai yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

Contoh 4: Pembeli membeli barang-barang bercukai daripada pengilang berdaftar di KUK dan barang-barang tersebut diangkut dari KUK kepada pembeli di SA. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diangkut ke SA.




Rajah 4: Barang-barang diangkut ke SA.

- (1) Berdasarkan subseksyen 57 (a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK ke SA. Pengilang Berdaftar hendaklah mengikrarkan borang pengikraran eksport atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:
 - (i) Borang Kastam No.2 (K2) - diangkut kepada pembeli di ZB;
 - (ii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut kepada pembeli di GB; atau
 - (iii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut ke GPB.
- (2) Borang pengikraran eksport hendaklah menunjukkan perkara berikut:
 - (i) Konsainor adalah Pengilang Berdaftar;
 - (ii) Konsaini adalah pembeli; dan

- (iii) Nilai berdasarkan *invois* yang dikeluarkan oleh Pengilang Berdaftar kepada pembeli.
- (3) Pengilang Berdaftar hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:
- (i) Borang pengikraran eksport;
 - (ii) Pesanan pembelian daripada pembeli kepada Pengilang Berdaftar;
 - (iii) *Invois* yang dikeluarkan oleh Pengilang Berdaftar kepada pembeli;
 - (iv) Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menyatakan butir-butir berikut:
 - (a) Konsainor adalah Pengilang Berdaftar; dan
 - (b) Konsaini adalah pembeli.

Contoh 5: Pembeli membeli barang-barang bercukai daripada pengilang berdaftar di KUK melalui peniaga di KUK dan seterusnya peniaga mengangkut barang tersebut ke SA. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang dijual kepada peniaga dan tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diangkut ke SA oleh peniaga.



Rajah 5: Barang yang diangkut di dalam KUK dan seterusnya diangkut ke SA.

- (1) Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas barang-barang kena cukai yang dijual oleh pengilang

berdaftar kepada peniaga di KUK dan pengilang berdaftar hendaklah mengeluarkan invois kepada peniaga.


- (2) Berdasarkan seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018, peniaga yang membayar cukai jualan ke atas pembeliannya dibenarkan menuntut pulang balik cukai jualan mengikut seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 kecuali cukai jualan yang dibayar adalah barang-barang kena cukai yang dinyatakan di dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.*
- (3) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK ke SA. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang ke SA dalam borang pengikraran eksport atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:*
 - (i) Borang Kastam No.2 (K2) - diangkut kepada pembeli di ZB;*
 - (ii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut kepada pembeli di GB; atau*
 - (iii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut ke GPB.*
- (4) Borang pengikraran eksport hendaklah menyatakan yang berikut:*
 - (i) Konsainor adalah peniaga;*
 - (ii) Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli.*
- (5) Peniaga yang menuntut pulang balik cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:*
 - (i) Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (ii) Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*

- (iii) *Borang pengikraran eksport bagi barang-barang yang diangkut ke ZB atau DO bagi barang-barang yang diangkut ke GB atau GPB;*
- (iv) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada pengilang berdaftar; dan*
- (v) *Invois yang dikeluarkan oleh pengilang berdaftar kepada peniaga.*

Barang yang diangkut di antara Kawasan Khas

9. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai di antara Kawasan Khas kecuali bagi barang-barang kena cukai yang ditetapkan di dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

Contoh 6: *Pembeli membeli barang-barang bercukai daripada penjual di SA dan barang tersebut terus diangkut dari suatu SA kepada pembeli di suatu SA yang lain. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diangkut dari suatu SA ke suatu SA yang lain.*




Rajah 6: *Barang-barang yang diangkut dari suatu SA ke suatu SA yang lain.*

- (1) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut di antara SA. Pengikraran import atau eksport hendaklah dibuat di dalam borang seperti berikut:

- (i) *Borang Kastam No.8 (K8) – ZB ke ZB;*
- (ii) *Borang Kastam No.8 (K8) – ZB ke GB;*

- (iii) *Borang Kastam No.1 (K1) – ZB ke GPB;*
 - (iv) *Borang Kastam No.8 (K8) – GB ke ZB;*
 - (v) *Borang Kastam No.8 (K8) – GB ke GB;*
 - (vi) *Borang Kastam No.1 (K1) or Borang Kastam No.9 (K9) – GB ke GPB;*
 - (vii) *Borang Kastam No.2 (K2) – GPB ke ZB;*
 - (viii) *Borang Gudang Pengilangan Berlesen No.2 (GPB2) – GPB ke GB;
atau*
 - (ix) *Borang Gudang Pengilangan Berlesen No.1 (GPB1) – GPB ke GPB.*
- (2) *Borang pengikraran hendaklah menyatakan perkara berikut:*
- (i) *Konsainor adalah penjual;*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) *Nilai barang yang dieksport adalah berdasarkan invoice yang dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli dan nilai barang yang diimport adalah nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.*

Contoh 7: *Pembeli membeli barang-barang bercukai dari SA melalui peniaga di KUK dan peniaga mengangkut barang-barang terus dari SA kepada pembeli di suatu SA yang lain. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diangkut dari suatu SA ke suatu SA yang lain.*




Rajah 7: Barang-barang yang diangkut dari suatu SA ke suatu SA yang lain.

- (1) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut di antara SA. Pengikraran import atau eksport hendaklah dibuat di dalam borang seperti berikut
- (i) Borang Kastam No.8 (K8) – ZB ke ZB;
 - (ii) Borang Kastam No.8 (K8) – ZB ke GB;
 - (iii) Borang Kastam No.1 (K1) – ZB ke GPB;
 - (iv) Borang Kastam No.8 (K8) – GB ke ZB;
 - (v) Borang Kastam No.8 (K8) – GB ke GB;
 - (vi) Borang Kastam No.1 (K1) or Borang Kastam No.9 (K9) – GB ke GPB;
 - (vii) Borang Kastam No.2 (K2) – GPB ke ZB;
 - (viii) Borang Gudang Pengilangan Berlesen No.2 (GPB2) – GPB ke GB; atau
 - (ix) Borang Gudang Pengilangan Berlesen No.1 (GPB1) – GPB ke GPB.
- (2) Borang pengikraran eksport / import hendaklah menyatakan yang berikut:
- (i) Konsainor adalah peniaga;

- (ii) *Konsaini adalah pembeli;*
 - (iii) *Pihak ketiga adalah penjual; dan*
 - (iv) *Nilai barang yang dieksport adalah berdasarkan invoice yang dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli dan nilai barang yang diimport adalah nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.*
- (3) *Penjual hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dokumen-dokumen berikut:*
 - (i) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
 - (ii) *Invoice yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga;*
 - (iii) *Borang pengikraran eksport;*
 - (iv) *Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
 - (a) *Konsainor adalah peniaga;*
 - (b) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (c) *Pihak ketiga adalah penjual.*
- (4) *Peniaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dokumen-dokumen berikut:*
 - (i) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
 - (ii) *Invoice yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga;*
 - (iii) *Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (iv) *Invoice yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
 - (v) *Borang pengikraran eksport / import; dan*

- (vi) *Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
 - (a) *Konsainor adalah peniaga;*
 - (b) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (c) *Pihak ketiga adalah penjual.*
- (5) *Pembeli hendaklah menyimpan dan menyenggara dokumen-dokumen berikut:*
 - (i) *Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (ii) *Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
 - (iii) *Borang pengikraran import; dan*
 - (iv) *Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
 - (a) *Konsainor adalah peniaga;*
 - (b) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (c) *Pihak ketiga adalah penjual.*

Contoh 8: *Pembeli membeli barang-barang bercukai daripada penjual di SA melalui peniaga di KUK dan kemudian peniaga mengangkut barang tersebut kepada pembeli di suatu SA yang lain. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang dibawa kepada peniaga dan tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diangkut oleh peniaga kepada pembeli di suatu SA lain.*



Rajah 8: Barang-barang diangkut ke dalam KUK dan kemudian diangkut ke suatu SA yang lain.

- (1) Menurut subseksyen 58(1) Akta Cukai Jualan 2018, pengangkutan barang dari SA ke KUK adalah seolah-olah barang tersebut diimport ke Malaysia dari suatu tempat di luar Malaysia. Cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diangkut dari SA kepada peniaga di KUK. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang di dalam borang pengikraran import atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:
 - (i) Borang Kastam No.1 (K1) – diangkut dari ZB;
 - (ii) Borang Kastam No.1 (K1) or No.9 (K9) – diangkut dari GB; atau
 - (iii) Borang Kastam No.9 (K9) – diangkut dari GPB.
- (2) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah peniaga; dan
 - (iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.
- (3) Berdasarkan seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018, peniaga yang membayar cukai jualan semasa pengimportan dibenarkan menuntut pulang balik cukai jualan mengikut seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 kecuali cukai jualan yang dibayar bagi barang-barang kena cukai yang


dinyatakan di dalam Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

- (4) *Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK ke SA. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang ke SA dalam borang pengikraran eksport atau dokumen lain seperti berikut:*
- (i) Borang Kastam No.2 (K2) – diangkut kepada pembeli di ZB;*
 - (ii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut kepada pembeli di GB; dan*
 - (iii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut ke GPB.*
- (5) *Borang pengikraran eksport hendaklah menyatakan butiran yang berikut:*
- (i) Konsainor adalah peniaga;*
 - (ii) Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli.*
- (6) *Peniaga yang menuntut pulang balik cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:*
- (i) Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (ii) Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
 - (iii) Borang pengikraran eksport bagi barang-barang yang diangkut ke ZB atau DO bagi barang-barang yang diangkut ke GB atau GPB;*
 - (iv) Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
 - (v) Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga; dan*
 - (vi) Borang pengikraran import - Borang Kastam No.1 (K1) atau Borang Kastam No.9 (K9)*

Barang-barang yang diangkut dari Kawasan Yang Ditetapkan (DA) ke Kawasan Khas (SA)

10. Berdasarkan kepada subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas mana-mana barang yang kena cukai yang diangkut dari DA ke SA kecuali bagi barang-barang kena cukai yang ditetapkan di dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

Contoh 9: Pembeli membeli barang-barang bercukai daripada penjual di DA dan barang tersebut terus diangkut dari DA kepada pembeli di SA. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diangkut dari DA ke SA.



Rajah 9: Barang-barang yang diangkut dari DA ke SA.

- (1) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari DA ke SA. Pembeli hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang dalam borang pengikraran import seperti berikut:
 - (i) Borang Kastam No.8 (K8) – diangkut kepada pembeli di ZB;
 - (ii) Borang Kastam No.8 (K8) – diangkut kepada pembeli di GB; atau
 - (iii) Borang Kastam No.1 (K1) – diangkut ke GPB.
- (2) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah pembeli; dan


(iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.

(3) Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:

(i) Konsainor adalah penjual; dan

(ii) Konsaini adalah pembeli.

Contoh 10: Pembeli membeli barang dari DA melalui peniaga di KUK dan penjual mengangkut barang terus dari DA kepada pembeli di SA. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari DA ke SA.



Rajah 10: Barang-barang yang diangkut dari DA ke SA.

(1) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari DA ke SA. Pembeli hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang di dalam borang pengikraran import seperti berikut:

(i) Borang Kastam No.8 (K8) – diangkut kepada pembeli di ZB;

(ii) Borang Kastam No.8 (K8) – diangkut kepada pembeli di GB; atau


(iii) Borang Kastam No.1 (K1) – diangkut ke GPB.

(2) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:

(i) Konsainor adalah penjual;

- (ii) *Konsaini adalah pembeli;*
 - (iii) *Pihak ketiga adalah peniaga; dan*
 - (iv) *Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.*
- (3) *Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
- (i) *Konsainor adalah penjual;*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) *Pihak ketiga adalah peniaga.*

Contoh 11: *Pembeli membeli barang yang dikenakan cukai dari DA melalui peniaga di KUK dan peniaga mengangkut barang dari DA ke KUK dan kemudian mengangkut barang tersebut kepada pembeli di SA. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang yang diangkut dari DA ke KUK dan tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diangkut dari KUK ke SA.*



Rajah 11: *Barang-barang yang diangkut dari DA ke KUK dan seterusnya diangkut ke SA.*

- (1) *Menurut subseksyen 51(1) Akta Cukai Jualan 2018, pengangkutan barang-barang dari DA ke KUK seolah-olah barang-barang tersebut diimport ke Malaysia dari suatu tempat di luar Malaysia. Cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diangkut dari DA kepada peniaga di KUK.*

Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang di dalam borang pengikraran import atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:


- (i) Konsainor adalah penjual;*
 - (ii) Konsaini adalah peniaga;*
 - (iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967; dan*
 - (iv) Bil muatan / bil laluan udara / bil jalanraya hendaklah menunjukkan butiran berikut:*
 - (a) Konsainor adalah penjual; dan*
 - (b) Konsaini adalah peniaga.*
- (2) Berdasarkan seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018, peniaga yang membayar cukai jualan semasa pengimportan dibenarkan menuntut pulang balik cukai jualan mengikut seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 kecuali cukai jualan yang dibayar ke atas barang-barang kena cukai yang dinyatakan di dalam Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.*
- (3) Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang diangkut dari KUK ke SA dan peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang ke SA di dalam borang pengikraran eksport atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:*
- (i) Borang Kastam No.2 (K2) – diangkut kepada pembeli di ZB;*
 - (ii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut kepada pembeli di GB; atau*
 - (iii) Pesanan Penghantaran (DO) - diangkut ke GPB.*
- (4) Borang pengikraran eksport hendaklah menyatakan yang berikut:*
- (i) Konsainor adalah peniaga;*

- (ii) *Konsaini adalah pembeli;*
- (iii) *Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli; dan*
- (iv) *Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
 - (i) *Konsainor adalah peniaga; dan*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli.*
- (5) *Peniaga yang menuntut pulang balik cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:*
 - (i) *Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (ii) *Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
 - (iii) *Borang pengikraran eksport bagi barang-barang yang diangkut ke ZB atau DO bagi barang-barang yang diangkut ke GB atau GPB;*
 - (iv) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
 - (v) *Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga; dan*
 - (vi) *Borang pengikraran import - Borang Kastam No.1 (K1).*

Barang-barang yang diangkut dari Kawasan Khas (SA) ke Kawasan Kastam Utama (KUK)


11. Cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang kena cukai dari SA ke KUK seolah-olah barang-barang tersebut diimport ke Malaysia dari suatu tempat di luar Malaysia.

Contoh 12: *Pembeli membeli barang daripada penjual di SA dan mengangkut barang tersebut ke KUK. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA ke KUK.*



Rajah 12a: Barang-barang yang diangkut dari SA ke KUK.


- (1) Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA kepada pembeli di KUK. Pembeli hendaklah mengikrarkan pengimportan barang di dalam Borang Kastam No.1 (K1) dan borang pengikraran import hendaklah menyatakan yang berikut:
 - (i) Borang Kastam No.1 (K1) – diangkut dari ZB;
 - (ii) Borang Kastam No.1 (K1) or No.9 (K9) – diangkut dari GB; atau
 - (iii) Borang Kastam No.9 (K9) – diangkut dari GPB.
- (2) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan yang berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah pembeli; dan
 - (iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.



Rajah 12b: Barang-barang yang diangkut dari SA ke KUK.


- (3) Sekiranya pembeli adalah Pengilang Berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018, pembeli boleh menuntut pengecualian daripada pembayaran cukai jualan mengikut butiran 1 Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- (4) Pembeli yang merupakan pengilang berdaftar yang menuntut pengecualian cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dokumen-dokumen berikut:
- (i) Borang pengikraran import;
 - (ii) Pesanan pembelian daripada pembeli kepada penjual;
 - (iii) Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli; dan
 - (iv) Sijil pengecualian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada pembeli.

Contoh 13: Pembeli membeli barang dari SA melalui peniaga di KUK dan kemudian barang tersebut diangkut kepada pembeli di KUK. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang bercukai yang diimport dari SA ke dalam KUK.



Rajah 13a: Barang-barang yang diangkut dari SA ke KUK.

- (1) Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA kepada peniaga di KUK. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang-barang di dalam borang pengikraran import seperti berikut:
 - (i) Borang Kastam No.1 (K1) – diangkut dari ZB;
 - (ii) Borang Kastam No.1 (K1) or No.9 (K9)– diangkut dari GB; atau
 - (iii) Borang Kastam No.9 (K9) – diangkut dari GPB.
- (2) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah peniaga; dan
 - (iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.




Rajah 13b: Barang-barang yang diangkut dari SA ke KUK.

- (3) Sekiranya pembeli adalah Pengilang Berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018, pembeli yang melantik peniaga untuk membeli barang-barang kena cukai boleh memohon pengecualian daripada pembayaran cukai jualan mengikut butiran 3 Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- (4) Peniaga yang menuntut pengecualian cukai jualan bagi pihak pembeli hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dokumen-dokumen berikut:
- (i) Borang pengikraran import;
 - (ii) Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;
 - (iii) Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;
 - (iv) Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga;
 - (v) Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli; dan
 - (vi) Salinan sijil pengecualian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada pembeli;
 - (vii) Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:
 - (a) Konsainor adalah peniaga; dan
 - (b) Konsaini adalah pembeli.

Barang-barang yang dieksport dari SA ke suatu tempat di luar Malaysia

12. Berdasarkan seksyen 56 Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA ke luar negara.

Contoh 14: Pembeli membeli barang daripada penjual di SA dan barang tersebut dieksport terus dari SA kepada pembeli di luar negara. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang dieksport dari SA ke luar negara.



Rajah 14: Barang yang dieksport ke luar negara.

(1) Berdasarkan seksyen 8 dan 56 Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA ke luar negara. Penjual hendaklah mengikrarkan pengeksportan di dalam borang pengikraran eksport seperti berikut:

- (i) Borang Kastam No.8 (K8) – dieksport dari ZB;
- (ii) Borang Kastam No.8 (K8) – dieksport dari GB; dan
- (iii) Borang Kastam No.2 (K2) – dieksport dari GPB.


(2) Borang pengikraran eksport hendaklah menyatakan perkara berikut:

- (i) Konsainor adalah penjual;
- (ii) Konsaini adalah pembeli; dan
- (iii) Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli.

(3) Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:

- (i) Konsainor adalah penjual; dan
- (ii) Konsaini adalah pembeli.

Contoh 15: Pembeli membeli barang dari SA melalui peniaga di KUK dan peniaga mengeksport barang terus dari SA kepada pembeli di luar negara. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang dieksport dari SA ke luar negara.



Rajah 15: Barang-barang yang dieksport dari SA ke luar negara.

(1) Berdasarkan subseksyen 56 Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA ke luar negara. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengeksportan di dalam borang pengikraran eksport seperti berikut:


- (i) Borang Kastam No.8 (K8) – dieksport dari ZB;
- (ii) Borang Kastam No.8 (K8) – dieksport dari GB; atau
- (iii) Borang Kastam No.2 (K2) – dieksport dari GPB.

(2) Borang pengikraran eksport hendaklah menyatakan perkara berikut:

- (i) Konsainor adalah peniaga;
- (ii) Konsaini adalah pembeli;
- (iii) Pihak ketiga adalah penjual; dan

- (iv) Nilai berdasarkan invoice yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli.
- (3) Penjual hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dokumen-dokumen berikut:
 - (i) Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;
 - (ii) Invoice yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga; dan
 - (iii) Borang pengikraran eksport.
- (4) Peniaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dokumen-dokumen berikut:
 - (i) Borang pengikraran eksport;
 - (ii) Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;
 - (iii) Invoice yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga;
 - (iv) Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;
 - (v) Invoice yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli; dan
 - (vi) Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:
 - (a) Konsainor adalah peniaga;
 - (b) Konsaini adalah pembeli; dan
 - (c) Pihak ketiga adalah penjual.

Contoh 16: Pembeli membeli barang dari SA melalui peniaga di KUK dan peniaga mengangkut barang dari SA ke KUK dan kemudian barang-barang dieksport kepada pembeli di luar negara. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA ke KUK. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang dieksport dari KUK ke luar negara.



Rajah 16: Barang-barang yang diangkut dari SA dan seterusnya dieksport ke luar negara.


- (1) Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA kepada peniaga di KUK. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang-barang di dalam borang pengikraran import seperti berikut:
 - (i) Borang Kastam No.1 (K1) – dieksport dari ZB;
 - (ii) Borang Kastam No.1 (K1) or No.9 (K9)– dieksport dari GB; atau
 - (iii) Borang Kastam No.9 (K9) – dieksport dari GPB.
- (2) Borang pengikraran import hendaklah menyatakan perkara berikut:
 - (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah peniaga; dan
 - (iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.
- (3) Peniaga boleh menuntut pengecualian daripada pembayaran cukai jualan mengikut butiran 57 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- (4) Peniaga yang menuntut pengecualian cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:

- (i) *Borang pengikraran eksport;*
- (ii) *Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
- (iii) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
- (iv) *Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga;*
- (v) *Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
- (vi) *Salinan sijil pengecualian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada pembeli; dan*
- (vii) *Pesanan Penghantaran / Senarai Pembungkusan hendaklah menunjukkan perkara berikut:*
 - (a) *Konsainor adalah peniaga; dan*
 - (b) *Konsaini adalah pembeli.*

Pengangkutan barang-barang di dalam SA

13. Berdasarkan seksyen 56 Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dalam SA.

Contoh 17: *Pembeli membeli barang daripada penjual di SA dan barang-barang diangkut kepada pembeli di dalam SA yang sama. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang diangkut di dalam SA.*




Rajah 17: *Barang-barang yang diangkut di dalam SA.*

- (1) *Pengikraran pengangkutan barang hendaklah dibuat di dalam borang pengikraran yang berkaitan atau dokumen lain seperti berikut:*
 - (i) *Borang Zon Bebas No.4 (ZB4) – di dalam FCZ;*

- (ii) Pesanan Penghantaran (DO) – di dalam FIZ; dan
 - (iii) Pesanan Penghantaran (DO) – di dalam GB.
- (2) Borang pengikraran hendaklah menyatakan perkara berikut:
- (i) Konsainor adalah penjual;
 - (ii) Konsaini adalah pembeli; dan
 - (iii) Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli.

Contoh 18: Pembeli membeli barang dari SA melalui peniaga di KUK dimana peniaga mengangkut barang terus kepada pembeli di dalam SA yang sama. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas apa-apa barang bercukai yang diangkut di dalam SA.




Rajah 18: Barang-barang yang diangkut di dalam SA.

- (1) Pengikraran pengangkutan barang hendaklah dibuat di dalam borang pengikraran yang berkaitan atau dokumen lain seperti berikut:
- (i) Borang Zon Bebas No.4 (ZB4) – di dalam FCZ; dan
 - (ii) Pesanan Penghantaran (DO) – di dalam GB.
- (2) Borang pengikraran hendaklah menyatakan perkara berikut:
- (i) Konsainor adalah peniaga;
 - (ii) Konsaini adalah pembeli;
 - (iii) Pihak ketiga adalah penjual; dan

- (iv) Nilai berdasarkan invoice yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli.

Contoh 19: Pembeli membeli barang daripada penjual di SA melalui peniaga di KUK dan barang-barang tersebut diangkut kepada peniaga di KUK dan kemudian diangkut kepada pembeli di dalam SA yang sama. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA ke KUK. Tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut ke SA oleh peniaga.



Rajah 19

- (1) Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari SA kepada peniaga di KUK. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang dalam Borang Kastam No.1 (K1) atau Borang Kastam No.9 (K9) dan borang pengikraran import hendaklah menunjukkan perkara berikut:
- (i) Konsainor adalah peniaga;
 - (ii) Konsaini adalah peniaga; dan
 - (iii) Nilai barang adalah berdasarkan nilai untuk maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967.
- (2) Berdasarkan seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018, peniaga yang membayar cukai jualan ke atas pengimportan dibenarkan menuntut pulang balik cukai jualan mengikut seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 kecuali cukai jualan yang dibayar ke atas barang-barang kena cukai yang

diikrarkan di dalam Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan Kawasan Khas) 2018.

- (3) *Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK kepada SA. Peniaga hendaklah mengikrarkan pengangkutan barang ke SA dalam borang pengikraran eksport atau dokumen yang berkaitan seperti berikut:*
- (i) *Borang Kastam No.2 (K2) – diangkut ke ZB;*
 - (ii) *Pesanan Penghantaran (DO) – diangkut ke GB; atau*
 - (iii) *Pesanan Penghantaran (DO) – diangkut ke GPB.*
- (4) *Borang pengikraran eksport hendaklah menyatakan yang berikut:*
- (i) *Konsainor adalah peniaga;*
 - (ii) *Konsaini adalah pembeli; dan*
 - (iii) *Nilai berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli.*
- (5) *Peniaga yang menuntut pulang balik cukai jualan hendaklah menyimpan dan menyelenggara dokumen berikut:*
- (i) *Pesanan pembelian daripada pembeli kepada peniaga;*
 - (ii) *Invois yang dikeluarkan oleh peniaga kepada pembeli;*
 - (iii) *Borang pengikraran eksport bagi barang-barang yang diangkut ke ZB atau DO bagi barang-barang yang diangkut ke GB atau GPB;*
 - (iv) *Pesanan pembelian daripada peniaga kepada penjual;*
 - (v) *Invois yang dikeluarkan oleh penjual kepada peniaga; dan*
 - (vi) *Borang pengikraran import - Borang Kastam No.1 (K1) atau Borang Kastam No.9 (K9).*

Barang-barang yang diangkut dari SA (FIZ atau GPB) ke KUK untuk diperbaiki

14. Barang-barang yang dikenakan cukai dari FIZ atau GPB ke KUK untuk pembaikan dan kemudian diangkut balik ke FIZ atau GPB dalam masa tiga bulan adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan. Orang yang mengangkut barang dari FIZ atau GPB boleh menuntut pengecualian di bawah butiran 34 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK ke SA.

Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
FIZ	KUK	K1	Pengilang FIZ	Pihak di KUK (pengimport)	Pengecualian (A34)
KUK	FIZ	K2	Pihak di KUK	Pengilang FIZ	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
GPB	KUK	K9	Pengilang GPB	Pihak di KUK (pengimport)	Pengecualian (A34)
KUK	GPB	DO	Pihak di KUK	Pengilang GPB	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
A34 – Pengecualian di bawah butiran 34 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Sijil pengecualian perlu ditandatangani oleh pengimport.					

Barang-barang yang diangkut ke SA dari KUK untuk diperbaiki

15. Barang-barang yang dikenakan cukai dari KUK ke FIZ atau GPB untuk diperbaiki dan kemudian diangkut kembali ke KUK dalam tempoh tiga bulan adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan. Orang yang mengangkut barang dari FIZ atau GPB boleh menuntut pengecualian di bawah butiran 36 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Walau bagaimanapun, cukai dikenakan ke atas mana-mana bahagian baru yang ditambahkan sebagai diperakui oleh pembaikan. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK ke SA.

Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
KUK	FIZ	K2	Pihak di KUK	Pengilang FIZ	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
FIZ	KUK	K1	Pengilang FIZ	Pihak di KUK (pengimport)	Pengecualian (A36)
KUK	GPB	DO	Pihak di KUK	Pengilang GPB	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
GPB	KUK	K9	Pengilang GPB	Pihak di KUK (pengimport)	Pengecualian (A36)

A36 – Pengecualian di bawah butiran 36 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Sijil pengecualian perlu ditandatangani oleh pengimport.

Barang-barang yang diangkut ke SA dari KUK untuk kerja-kerja subkontrak

16. Tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah, barang-barang kena cukai yang diangkut oleh pengilang di KUK ke FIZ atau GPB untuk kerja subkontrak dan kemudian diangkut semula ke KUK dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan. Pengilang yang mengangkut barang dari FIZ atau GPB boleh menuntut pengecualian di bawah butiran 38 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari KUK ke SA.

Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
KUK	FIZ	K2	Pengilang di KUK	Pengilang FIZ	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
FIZ	KUK	K1	Pengilang FIZ	Pengilang di KUK	Pengecualian (A38)
KUK	GPB	DO	Pengilang di KUK	Pengilang GPB	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
GPB	KUK	K9	Pengilang GPB	Pengilang di KUK	Pengecualian (A38)

A38 – Pengecualian di bawah butiran 38 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Sijil pengecualian perlu ditandatangani oleh pengilang.

Barang-barang yang diangkut dari SA ke KUK bagi kerja-kerja subkontrak

17. Tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah, barang-barang kena cukai yang sebahagiannya dikilang di ZB atau GPB diangkut kepada pengilang tidak berdaftar di KUK untuk kerja subkontrak dan kemudian diangkut semula ke kilang yang menghantar barang dari ZB atau GPB boleh menuntut pengecualian di bawah butiran 54 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut semula dari KUK ke SA.

Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
FIZ	KUK	K1	Pengilang FIZ	Pengilang KUK	Pengecualian (A54)
KUK	FIZ	K2	Pengilang di KUK	Pengilang FIZ	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]
GPB	KUK	K9	Pengilang GPB	Pengilang KUK	Pengecualian (A54)
KUK	GPB	DO	Pengilang di KUK	Pengilang GPB	Tidak dikenakan [subseksyen 57(a)]

A54 – Pengecualian di bawah butiran 54 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Sijil pengecualian perlu ditandatangani oleh orang yang diluluskan Ketua Pengarah.

Barang-barang yang diangkut dari SA ke Depot Pelepasan Dalam Negeri (ICD) di bawah Seksyen 65E Akta Kastam 1967

18. Barang-barang bercukai dari SA kepada ICD dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan di bawah butiran 49 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan dari Pembayaran Cukai) 2018.

Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
ZB	ICD	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A49)
GB	ICD	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A49)
GPB	ICD	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A49)


Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
DA	ICD	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A49)
Luar Negara	ICD	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A49)
A49 – Pengecualian di bawah butiran 49 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Sijil pengecualian tidak diperlukan.					

Barang-barang yang diangkut dari SA ke Kedai Bebas Cukai (KBC) di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967 selain KBC di DA

19. Barang-barang bercukai yang diangkut dari GB atau ZB ke KBC adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan di bawah butiran 66 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.

Pergerakan barang		Pengikraran			Cukai Jualan
Dari	Ke	Borang	Konsainor	Konsaini	
ZB	KBC	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A66)
GB	KBC	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A66)
KUK (Pengilang Berdaftar)	KBC	DO	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A66)
Luar Negara	KBC	K8	Pengeksport	Pengimport	Pengecualian (A66)
A66 – Pengecualian di bawah butiran 66 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018. Sijil pengecualian perlu ditandatangani oleh operator KBC atau orang yang diberikan kuasa olehnya.					

Pengimportan dan pengangkutan barang berkenaan dengan Kawasan Pembangunan Bersama (JDA)



Rajah 20: Pengangkutan barang berhubung dengan JDA.

20. Berdasarkan subseksyen 57(a) Akta Cukai Jualan 2018, tiada cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kena cukai yang diimport dari luar negara atau diangkut dari KUK ke JDA. Pengendali JDA hendaklah mengikrarkan pengimportan atau pengangkutan barang melalui pengikraran seperti berikut:

- (i) Borang Joint Development Area No.1 (JDA1) – diimport dari luar negara ke JDA; atau
- (ii) Borang Joint Development Area No.3 (JDA3) – diangkut dari KUK ke JDA.

21. Cukai jualan hendaklah dikenakan menurut subseksyen 8(1) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas barang-barang kena cukai yang diangkut dari JDA ke KUK. Pengangkut / pengimport barang-barang hendaklah mengikrarkan pengangkutan dari JDA melalui pengikraran seperti berikut:

- (i) Borang Joint Development Area No.2 (JDA2) – diangkut dari produk JDA dari JDA ke PCA; atau
- (ii) Borang Joint Development Area No.3 (JDA3) – mengangkut barang-barang selain produk JDA ke PCA.

CUKAI PERKHIDMATAN BERKENAAN KAWASAN KHAS (SA)

Perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara SA

22. Tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diperuntukkan di dalam atau di antara SA melainkan perkhidmatan yang dikenakan cukai seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2018.

Perkhidmatan bercukai yang disediakan dari SA ke DA

23. Tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas mana-mana perkhidmatan yang dikenakan cukai yang dikenakan dari SA kepada DA melainkan jika pada perkhidmatan yang dikenakan cukai seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2018.

Perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang diperuntukkan di Malaysia oleh orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di SA

24. Cukai perkhidmatan dikenakan oleh mana-mana orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di SA atas apa-apa perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang disediakan olehnya di dalam Malaysia.

Perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang diberikan kepada SA oleh orang kena cukai yang merupakan tempat perniagaan utama di Malaysia

25. Cukai perkhidmatan dikenakan oleh mana-mana orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia yang menyediakan apa-apa perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai kepada SA.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my